



"PEKERJA BERINOVATIF PENGGERAK TRANSFORMASI" SAMBUTAN HARI PEKERJA PERINGKAT DBKL TAHUN 2012

Dirasmikan oleh:

YBhg. Tan Sri Ahmad Fuad Bin Ismail
Datuk Bandar Kuala Lumpur

7 Mei 2012...Auditorium DBKL...7.30 pagi



KATA-KATA ALUAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

*Assalamualaikum wrh wbr, selamat sejahtera dan
salam 1Malaysia.*



Setiap tahun 1 Mei merupakan satu hari yang diiktiraf **HARI PEKERJA** sebagai penghargaan kepada semua warga pekerja yang telah menabur bakti penuh dedikasi untuk mencapai objektif Organisasi, Jabatan, Bahagian, Unit masing-masing. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan yang tidak pernah kenal penat dan jemu untuk memberikan perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat di DBKL.

Pekerja merupakan aset bagi organisasi ataupun negara. Tanpa pekerja yang produktif dan proaktif adalah sukar bagi organisasi untuk beroperasi apa lagi berkembang dari semasa ke semasa. Justeru itu, Hubungan kerja tersebut secara tidak langsung dapat menambahkan motivasi kerja justeru produktiviti yang lebih tinggi.

Untuk menjadi pekerja yang cemerlang kita mestilah memberikan keutamaan kepada prestasi organisasi dan kerja buat kita serta meletakkan wargakota sebagai keutamaan kita. Ketahuilah sebenarnya kita bekerja untuk orang lain, bukan sangat untuk diri kita. Kita hendaklah bertekad untuk memberi hanya yang terbaik kepada organisasi dan wargakota. Inilah merupakan amanah yang terpikul di bahu kita yang kerananya kita ditanya di akhirat nanti.

Akhir kalam, Selamat menyambut Hari Pekerja 2012. Semoga matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi akan membawa manfaat kepada kita semua dan ianya memerlukan golongan kakitangan mempunyai semangat dan tekad untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti demi Ibukota Malaysia tercinta ke arah sebuah Bandar Raya bertaraf dunia dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

"PEKERJA BERINOVATIF PENGGERAK TRANSFORMASI"

SRI AHMAD FUAD BIN ISMAIL

Datuk Bandar Kuala Lumpur



SAMBUTAN HARI PEKERJA PERINGKAT DBKL TAHUN 2012

KATA-KATA ALUAN
Pengerusi MBJ Pihak Pekerja DBKL
Merangkap Naib Pengerusi MBJ DBKL

Assalamualaikum wbt

Salam sejahtera, Salam 1Malaysia Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan, "Pekerja Tiang Seri Negara"



TERIMA KASIH KERANA MEMBERI KESEMPATAN KEPADA SAYA BAGI MENYAMPAI SEPATAH DUA KATA BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PEKERJA PERINGKAT DBKL 2012. MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MEMANJAT KESYUKURAN KEPADA ALLAH SWT DI ATAS KEIZINANNYA JUA MAKA DAPAT KITA MERAYAKAN SAMBUTAN HARI PEKERJA DBKL PADA TAHUN INI. SEMUA INI BERKAT KESUNGGUHAN SERTA KEPERHATINAN TELUS YANG DITERJEMAHKAN OLEH YBG TAN SERI AHMAD FUAD BIN ISMAIL, DATUK BANDAR KUALA LUMPUR YANG KITA KASIH KEPADA WARGA KERJA DBKL. HUBUNGAN BAIK YANG BERTERUSAN DI ANTARA MAJIKAN DAN PEKERJA DI DALAM ORGANISASI DBKL TERBUKTI TELAH MEWUJUDKAN SUASANA SERONOK BERKERJA DI KALANGAN KITA DAN SECARA PERIBADI SUKA SAYA MENGIKTIRAF BELIAU SEBAGAI "THE BEST MAYOR EVER"

SELAKU PENERUSI MAJLIS BERSAMA JABATAN PIHAK PEKERJA DBKL YANG MEWAKILI 3 KESATUAN SEKERJA DI DALAM DBKL ; KESATUAN SEKERJA ANULAE DBKL (ANULAE DBKL STAFF), KESATUAN SEKERJA ANULAE PEKERJA-PEKERJA (ANULAE PPDBKL) DAN KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DBKL (KLMTUJ) MERANGKUMI ANGGARAN 12 RIBU PEKERJA-PEKERJA DBKL MERASAKAN SUDAH TIBA MASANYA KITA BERUBAH KE ARAH MENGEKALKAN KECEMERLANGAN DBKL. TIADA LAGI PEGAWAI-PEGAWAI YANG SOMBONG, ANGKUH, MEMENTINGKAN DIRI, ENGGAN BERMUAFAKAT JIKA ADA SEBARANG MASALAH DENGAN PEKERJA, TIADA LAGI PEKERJA-PEKERJA YANG MALAS KERJA, PONTENG, KERAS KEPALA, TIDAK MENGIKUT ARAHAN. KESATUAN SEKERJA BERPENDAPAT SEMUA SIKAP-SIKAP INI TELAH PUPUS DI KALANGAN KITA ATAU JIKA MASIH LAGI KESATUAN AKAN BERUSAHA UNTUK DIPUPUSKAN.

TABIK HORMAT KEPADA YBHG. DATUK HJ. SALEH BINYUSOP, YBHG. DATUK HAJJAH NORMAH BINTI MALIK, YBHG. DATUK HJ. MHD AMIN NORDIN BIN ABD AZIZ, YBHG. DATUK ZULKIFLI BIN IBRAHIM SERTA YBERUSAHA EN. MOHD NAJIB BIN HJ MOHD., MEREKA-MEREKA INILAH YANG MENJADI TULANG BELAKANG DBKL BAGI MEMASTIKAN DBKL SENTIASA BERADA DILANDASAN YANG BETUL DALAM PERJALANAN MENUJU 'BANDAR RAYA BERTARAF DUNIA MENJELANG TAHUN 2020'

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA PENGURUSAN TERTINGGI DBKL KERANA TELAH MENJAGA HAL-HAL KEBAJIKAN WARGA KERJA DBKL SERTA TELAH BERUSAHA MEMPERTINGKATKAN LAGI PERKHIDMATAN DARI MASA KE SEMASA. UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH JUGA KEPADA KEPIMPINAN KESATUAN SEKERJA SAUDARA A. MUNIAN, SETIAUSAHA MBJ PEKERJA DBKL, SAUDARA SAMSUDIN BIN ABDUL RAHMAN DAN PIHAK PENGANJUR KERANA TELAH BERJAYA MENGANJURKAN SAMBUTAN PADA KALI INI. AKHIR KATA SEMPAJA HARI PEKERJA 2012, MARILAH KITA SAMA-SAMA MENETAPKAN TEKAD UNTUK TERUS CEMERLANG DAN MENERUSKAN USAHA KITA MENINGKATKAN PRODUKTIVITI KERJA.

Sekian, terima kasih.

"Pekerja Tiang Seri Negara".

(ZAKARIA BIN ABDULLAH, PPW)



SAMBUTAN HARI PEKERJA PERINGKAT DBKL TAHUN 2012